



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

BIL. 2 TAHUN 2017

**DASAR-DASAR BAHARU BAGI PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM
KELAS TEKSI, KERETA SEWA DAN TEKSI MEWAH**

TARIKH: 31 Mac 2017

DASAR-DASAR BAHARU BAGI PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM

KELAS TEKSI, KERETA SEWA DAN TEKSI MEWAH

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai dasar-dasar baharu bagi perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam (“PKPA”) kelas teksi, kereta sewa, dan teksi mewah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D.”) bertanggungjawab untuk menggubal polisi, merancang dan mengawal selia pengangkutan awam darat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) yang telah berkuatkuasa sepenuhnya pada 31 Januari 2011.
- 2.2 Bagi memenuhi matlamat Program Transformasi Industri Teksi (“TITP”) yang telah diluluskan oleh kerajaan pada 10 Ogos 2016, S.P.A.D. ingin memperkenalkan dasar-dasar baharu bagi PKPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah.

3.0 PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

- 3.1 Perkara-perkara yang hendak dimaklumkan di dalam Pekeliling ini adalah dasar-dasar baharu bagi PKPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah yang merangkumi:
 - A. kriteria-kriteria kelayakan bagi permohonan lesen pengendali (“Lesen Pengendali”);
 - B. spesifikasi kenderaan;
 - C. kawasan operasi;
 - D. model operasi; dan
 - E. tanggungjawab pengendali berlesen terhadap pemandu.

4.0 DASAR-DASAR BAHARU BAGI PKPA KELAS TEKSI

A. Kriteria Kelayakan

- (a) Setiap pemohon Lesen Pengendali kelas teksi perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (“SKM”) sebagai salah satu daripada lima (5) entiti perniagaan yang dibenarkan seperti berikut:
- i. perniagaan milikan tunggal;
 - ii. perkongsian;
 - iii. syarikat sendirian berhad;
 - iv. syarikat berhad; atau
 - v. koperasi.
- (b) Pemohon Lesen Pengendali kelas teksi yang berdaftar sebagai perniagaan milikan tunggal atau perkongsian* mestilah:
- i. warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas (syarat ini juga terpakai kepada setiap ahli perkongsian);
 - ii. mempunyai Lesen Memandu Kompeten (“CDL”) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun (bagi perkongsian, syarat ini dipenuhi sekiranya salah seorang dari ahli perkongsian memiliki CDL yang sah);
 - iii. tiada sabitan dengan kesalahan jenayah;
 - iv. tidak diisyiharkan muflis;
 - v. memiliki lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam (*public service vehicle licence*) (“PSV”) yang sah (bagi perkongsian, syarat ini dipenuhi sekiranya salah seorang dari ahli perkongsian memiliki PSV yang sah); dan
 - vi. tidak memiliki sebarang Lesen Pengendali kelas teksi.

* Sekurang-kurangnya salah seorang ahli perkongsian hendaklah memenuhi kriteria-kriteria yang disebutkan.

- (c) Pemohon Lesen Pengendali kelas teksi yang berdaftar sebagai syarikat sendirian berhad, syarikat berhad atau koperasi mestilah:
- mempunyai modal berbayar tidak kurang RM50,000.00; dan
 - dimiliki 100% oleh warganegara Malaysia.
- (d) Kuota bagi permit kenderaan di bawah Lesen Pengendali kelas teksi adalah seperti berikut:
- Perniagaan Milikan Tunggal
Hanya boleh memiliki satu (1) permit kenderaan sahaja.
 - Perkongsian
Hanya boleh memiliki satu (1) permit kenderaan sahaja.
 - Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad atau Koperasi
Tiada had bagi permit kenderaan.

B. Spesifikasi Kenderaan

- (a) Spesifikasi kenderaan yang ditetapkan adalah merangkumi aspek-aspek berikut:
- had usia kenderaan;
 - keselamatan;
 - rupa bentuk; dan
 - keselesaan seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dan Jabatan Pengangkutan Jalan (“JPJ”).

Spesifikasi	Bil.	Huraian
Usia Melesen	1.	Usia melesen kenderaan berstatus Terurai Sepenuhnya (<i>Completely Knocked Down</i>) (“CKD”) mestilah tidak melebihi lima (5) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.

	2.	Usia melesen kenderaan berstatus Dipasang Siap Sepenuhnya (<i>Completely Built-Up</i>) (“CBU”) mestilah tidak melebihi lima (5) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
Had Usia Kenderaan	1.	Had usia kenderaan berstatus CKD mestilah tidak melebihi tujuh (7) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
	2.	Had usia kenderaan berstatus CBU mestilah tidak melebihi tujuh (7) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
Keselamatan	1.	Kenderaan hendaklah memenuhi taraf tiga (3) bintang tahap piawaian Program Penilaian Kereta Baharu Rantau Asia Tenggara (“ASEAN NCAP”) atau yang setara dengannya.
	2.	Kenderaan hendaklah memenuhi keperluan keselamatan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan Keselamatan ICOP S.P.A.D.
	3.	Kenderaan berstatus CKD hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
	4.	Kenderaan berstatus CBU hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.

	5.	Meter teksi hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun tanpa mengambil kira usia kenderaan.
	6.	Kenderaan hendaklah memiliki insurans yang melindungi pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga.
Rupa Bentuk	1.	Model kenderaan adalah terbuka kepada semua jenama dan model kenderaan.
	2.	Kenderaan hendaklah dicatkan dengan warna merah cili (<i>chilli red</i>) pada bahagian badan kenderaan dan putih pejal (<i>solid white</i>) pada bahagian atas tudung hadapan, bahagian atas bumbung kenderaan dan bahagian bonet belakang; atau dicatkan dengan kod warna yang setara dengannya.
	3.	Struktur panel di atas bumbung kenderaan hendaklah: <ol style="list-style-type: none"> mempunyai lampu jenis diod pemancar cahaya (<i>Light Emitting Diode</i>) (“LED”) dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa; mempamerkan sekurang-kurangnya dua (2) perkataan iaitu ‘TEKS1M’ (berwarna hijau) untuk menunjukkan teksi boleh disewa, perkataan ‘HIRED’ (berwarna merah) untuk menunjukkan teksi sedang disewa.
	4.	Meter teksi yang digunakan di dalam kenderaan hendaklah mendapat kelulusan JPJ seperti yang diperuntukkan dalam Kaedah-

		Kaedah Kenderaan Bermotor (Meter Teksi) 1959 dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dan JPJ dari semasa ke semasa.
5.		Meter tekси hendaklah dipasangkan di bahagian tengah atas panel kawalan hadapan (<i>dashboard</i>) kenderaan seperti di Lampiran 1.
6.		Piagam pemandu dan penumpang hendaklah dipamerkan pada bahagian belakang tempat duduk pemandu seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
7.		Pelekat nombor aduan bebas tol S.P.A.D. hendaklah dilekatkan pada badan kenderaan seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
8.		Pengiklanan pada badan kenderaan hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada S.P.A.D. dan hendaklah mengikut spesifikasi seperti di Lampiran 2.
9.		Pelekat kadar tambang yang dikeluarkan oleh S.P.A.D hendaklah dilekatkan pada badan kenderaan seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
Keselesaan	1.	Kenderaan hendaklah mempunyai muatan tempat duduk tidak melebihi enam (6) orang termasuk pemandu.

C. Kawasan Operasi

- (a) Pengendali berlesen kelas teksi hanya boleh beroperasi di zon kawasan yang diluluskan oleh S.P.A.D. (“kawasan operasi”) berdasarkan permit kenderaan seperti mana di Lampiran 3.
- (b) Walau bagaimanapun, kebenaran diberikan kepada pengendali berlesen kelas teksi untuk menghantar penumpang ke destinasi di luar zon kawasan operasi dan dikehendaki untuk kembali ke kawasan operasi yang telah ditetapkan dalam masa 24 jam selepas menurunkan penumpang. Kebenaran untuk keluar daripada kawasan operasi hendaklah dimaklumkan kepada mana-mana balai polis atau cawangan S.P.A.D. yang berhampiran.
- (c) Merujuk kepada perkara C (b), pengendali berlesen kelas teksi dibenarkan mengambil penumpang semasa dalam perjalanan kembali ke kawasan operasi yang telah ditetapkan.
- (d) Pengendali berlesen kelas teksi dibenarkan mengambil dan menurunkan penumpang di lapangan terbang, tertakluk kepada syarat-syarat operasi teksi di lapangan terbang.

D. Model Operasi

- (a) Model operasi bagi PKPA kelas teksi adalah melalui tahanan di tepi jalan/ hentian teksi atau tempahan yang dibuat melalui panggilan telefon, aplikasi telefon pintar, laman sesawang, emel dan sebagainya.
- (b) Bagi aplikasi telefon pintar, teksi boleh mengambil penumpang melalui tempahan yang diuruskan oleh pengendali pengantara yang berdaftar sahaja.

E. Tanggungjawab Pengendali Berlesen Terhadap Pemandu

- (a) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu memiliki lesen PSV yang masih dalam tempoh sah laku.
- (b) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu membawa dokumen-dokumen yang masih dalam tempoh sah laku semasa beroperasi seperti berikut:
 - i. salinan lesen pengendali;
 - ii. salinan permit perkhidmatan;
 - iii. permit kendaraan asal yang berkenaan;
 - iv. cukai jalan; dan
 - v. perakuan pemeriksaan (*disc*) PUSPAKOM.
- (c) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu memamerkan Kad Pemandu mengikut spesifikasi susunan dalaman yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
- (d) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu-pemandunya mematuhi peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan dasar-dasar berkenaan pemandu yang dikeluarkan dan ditetapkan oleh S.P.A.D dan JPJ dari semasa ke semasa.

5.0 DASAR-DASAR BAHARU BAGI PKPA KELAS KERETA SEWA

A. Kriteria Kelayakan

(a) Setiap pemohon Lesen Pengendali kelas kereta sewa perlu berdaftar dengan SSM atau SKM sebagai salah satu daripada lima (5) entiti perniagaan yang dibenarkan seperti berikut:

- i. perniagaan milikan tunggal;
- ii. perkongsian;
- iii. syarikat sendirian berhad;
- iv. syarikat berhad; atau
- v. koperasi.

(b) Pemohon Lesen Pengendali kelas kereta sewa yang berdaftar sebagai perniagaan milikan tunggal atau perkongsian* mestilah:

- i. warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas (syarat ini juga terpakai kepada setiap ahli perkongsian);
- ii. mempunyai CDL sekurang-kurangnya tiga (3) tahun (bagi perkongsian, syarat ini dipenuhi sekiranya salah seorang dari ahli perkongsian memiliki CDL yang sah);
- iii. tiada sabitan dengan kesalahan jenayah;
- iv. tidak diisyiharkan muflis;
- v. memiliki PSV yang sah (bagi perkongsian, syarat ini dipenuhi sekiranya salah seorang dari ahli perkongsian memiliki PSV yang sah); dan
- vi. tidak memiliki sebarang Lesen Pengendali kelas kereta sewa.

* Sekurang-kurangnya salah seorang ahli perkongsian hendaklah memenuhi kriteria-kriteria yang disebutkan.

(c) Pemohon Lesen Pengendali kelas kereta sewa yang berdaftar sebagai syarikat sendirian berhad, syarikat berhad atau koperasi mestilah:

- iii. mempunyai modal berbayar tidak kurang RM50,000.00; dan
 - iv. dimiliki 100% oleh warganegara Malaysia.
- (d) Kuota bagi permit kenderaan di bawah Lesen Pengendali kelas kereta sewa adalah seperti berikut:
- i. Perniagaan Milikan Tunggal
Hanya boleh memiliki satu (1) permit kenderaan sahaja.
 - ii. Perkongsian
Hanya boleh memiliki satu (1) permit kenderaan sewa sahaja.
 - iii. Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad atau Koperasi
Tiada had bagi permit kenderaan.

B. Spesifikasi Kenderaan

- (a) Spesifikasi kenderaan yang ditetapkan adalah merangkumi aspek-aspek berikut:
- i. had usia kenderaan;
 - ii. keselamatan;
 - iii. rupa bentuk; dan
 - iv. keselesaan seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dan JPJ.

Spesifikasi	Bil.	Huraian
Usia Melesen	1.	Usia melesen kenderaan berstatus CKD mestilah tidak melebihi sepuluh (10) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
	2.	Usia melesen kenderaan berstatus CBU mestilah tidak melebihi sepuluh (10) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.

Had Usia Kenderaan	1.	Had usia kenderaan adalah tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan berkala yang dijalankan oleh PUSPAKOM.
Keselamatan	1.	Kenderaan hendaklah memenuhi taraf tiga (3) bintang ASEAN NCAP atau yang setara dengannya.
	2.	Kenderaan hendaklah memenuhi keperluan keselamatan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan Keselamatan ICOP S.P.A.D.
	3.	Kenderaan berstatus CKD hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
	4.	Kenderaan berstatus CBU hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
	5.	Kenderaan hendaklah memiliki insurans yang melindungi pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga.
Rupa Bentuk	1.	Model kenderaan adalah terbuka kepada semua jenama dan model kenderaan.
	2.	Kenderaan adalah bebas dicatkan dengan apa-apa warna.
	3.	Struktur panel di atas bumbung kenderaan hendaklah:

		<p>a. menggunakan latar belakang berwarna kuning pada struktur panel; dan</p> <p>b. mempamerkan perkataan ‘KERETA SEWA’ pada bahagian hadapan struktur panel.</p>
	4.	Piagam pemandu dan penumpang hendaklah dipamerkan pada bahagian belakang tempat duduk pemandu seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
	5.	Pelekat nombor aduan bebas tol S.P.A.D. hendaklah dilekatkan pada badan kenderaan seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
	6.	Pengiklanan pada badan kenderaan hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada S.P.A.D. dan hendaklah mengikut spesifikasi seperti di Lampiran 2.
Keselesaan	1.	Kenderaan hendaklah mempunyai muatan tempat duduk tidak melebihi enam (6) orang termasuk pemandu.

C. Kawasan Operasi

- (a) Pengendali berlesen kelas kereta sewa hanya boleh beroperasi di zon kawasan yang diluluskan oleh S.P.A.D. (“zon kawasan operasi”) berdasarkan permit kenderaan seperti mana di Lampiran 3.
- (b) Walau bagaimanapun, kebenaran diberikan kepada pengendali berlesen kelas kereta sewa untuk menghantar penumpang ke destinasi di luar zon kawasan operasi dan dikehendaki untuk kembali ke kawasan operasi yang telah ditetapkan dalam masa 24 jam selepas menurunkan penumpang.

Kebenaran untuk keluar daripada zon kawasan operasi hendaklah dimaklumkan kepada mana-mana balai polis atau cawangan S.P.A.D. yang berhampiran.

- (c) Merujuk kepada perkara C (b), pengendali berlesen kelas kereta sewa dibenarkan mengambil penumpang semasa dalam perjalanan kembali ke kawasan operasi yang telah ditetapkan.
- (d) Pengendali berlesen kelas kereta sewa dibenarkan mengambil dan menurunkan penumpang di lapangan terbang, tertakluk kepada syarat-syarat operasi teksi di lapangan terbang.

D. Model Operasi

- (a) Model operasi bagi PKPA kelas kereta sewa adalah melalui tahanan di tepi jalan/ hentian teksi atau tempahan yang dibuat melalui panggilan telefon, aplikasi telefon pintar, laman sesawang, emel dan sebagainya.
- (b) Bagi aplikasi telefon pintar, kereta sewa boleh mengambil penumpang melalui tempahan yang diuruskan oleh pengendali pengantara yang berdaftar sahaja.

E. Tanggungjawab Pengendali Berlesen Terhadap Pemandu

- (a) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu memiliki lesen PSV yang masih dalam tempoh sah laku.
- (b) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu membawa dokumen-dokumen yang masih dalam tempoh sah laku semasa beroperasi seperti berikut:
 - i. salinan lesen pengendali;

- ii. salinan permit perkhidmatan;
- iii. permit kenderaan asal yang berkenaan;
- iv. cukai jalan; dan
- v. perakuan pemeriksaan (*disc*) PUSPAKOM.

- (c) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu memamerkan Kad Pemandu mengikut spesifikasi susunan dalaman yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
- (d) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu-pemandunya mematuhi peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan dasar-dasar berkenaan pemandu yang dikeluarkan dan ditetapkan oleh S.P.A.D dan JPJ dari semasa ke semasa.

6.0 DASAR-DASAR BAHARU BAGI PKPA KELAS TEKSI MEWAH

A. Kriteria Kelayakan

- (a) Setiap pemohon Lesen Pengendali kelas teksi mewah perlu berdaftar dengan SSM atau SKM sebagai salah satu daripada tiga (3) entiti perniagaan yang dibenarkan berikut:
 - i. syarikat sendirian berhad;
 - ii. syarikat berhad; atau
 - iii. koperasi.
- (b) Pemohon Lesen Pengendali kelas teksi mewah yang berdaftar sebagai syarikat sendirian berhad, syarikat berhad atau koperasi mestilah:
 - i. mempunyai modal berbayar tidak kurang RM50,000.00; dan
 - ii. dimiliki 100% oleh warganegara Malaysia.
- (c) Tiada had kuota bagi permit kenderaan di bawah Lesen Pengendali kelas teksi mewah.

B. Spesifikasi Kenderaan

- (a) Spesifikasi kenderaan yang ditetapkan adalah merangkumi aspek-aspek berikut:
 - i. had usia kenderaan;
 - ii. keselamatan;
 - iii. rupa bentuk; dan
 - iv. keselesaan seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dan JPJ.

Spesifikasi	Bil.	Huraian
Usia Melesen	1.	Usia melesen kenderaan berstatus CKD mestalah tidak melebihi lima (5) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
	2.	Usia melesen kenderaan berstatus CBU mestalah tidak melebihi lima (5) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
Had Usia Kenderaan	1.	Had usia kenderaan berstatus CKD mestalah tidak melebihi tujuh (7) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
	2.	Had usia kenderaan berstatus CBU mestalah tidak melebihi tujuh (7) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
Keselamatan	1.	Kenderaan hendaklah memenuhi taraf tiga (3) bintang ASEAN NCAP atau yang setara dengannya.
	2.	Kenderaan hendaklah memenuhi keperluan keselamatan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan Keselamatan ICOP S.P.A.D.
	3.	Kenderaan berstatus CKD hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
	4.	Kenderaan berstatus CBU hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah

		melebihi usia tiga (3) tahun dari tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
	5.	Kenderaan hendaklah memiliki insurans yang melindungi pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga.
Rupa Bentuk	1.	Model kenderaan adalah terhad kepada segmen D dan ke atas seperti mana yang ditakrifkan oleh <i>Euro Market Segment</i> .
	2.	Kenderaan adalah bebas dicatkan dengan apa-apa warna.
	3.	Pelekat nombor aduan bebas tol S.P.A.D. hendaklah dilekatkan pada badan kenderaan seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
	4.	Pengiklanan pada badan kenderaan hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada S.P.A.D. dan hendaklah mengikut spesifikasi seperti di Lampiran 2.
Keselesaan	1.	Kenderaan hendaklah mempunyai muatan tempat duduk tidak melebihi tujuh (7) orang termasuk pemandu.

C. Kawasan Operasi

- (a) Pengendali berlesen kelas teksi mewah hanya boleh beroperasi di zon kawasan yang diluluskan oleh S.P.A.D. (“zon kawasan operasi”) berdasarkan permit kenderaan.

(b) Pengendali berlesen kelas teksi mewah dibenarkan mengambil dan menurunkan penumpang di lapangan terbang, tertakluk kepada syarat-syarat operasi teksi di lapangan terbang.

D. Model Operasi

(a) Model operasi bagi perkhidmatan PKPA kelas lesen teksi mewah adalah melalui sewaan khas, kontrak lantikan atau tempahan yang dibuat melalui panggilan telefon, aplikasi telefon pintar, laman sesawang, emel dan sebagainya.

(b) Bagi aplikasi telefon pintar, teksi mewah boleh mengambil penumpang melalui tempahan yang diuruskan oleh pengendali pengantara yang berdaftar sahaja.

E. Tanggungjawab Pengendali Berlesen Terhadap Pemandu

(a) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu memiliki lesen PSV yang masih dalam tempoh sah laku.

(b) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu membawa dokumen-dokumen yang masih dalam tempoh sah laku semasa beroperasi seperti berikut:

- i. salinan lesen pengendali;
- ii. salinan permit perkhidmatan;
- iii. permit kenderaan asal yang berkenaan;
- iv. cukai jalan; dan
- v. perakuan pemeriksaan (*disc*) PUSPAKOM.

- (c) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu mempamerkan Kad Pemandu mengikut spesifikasi susunan dalaman yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
- (d) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu-pemandunya mematuhi peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan dasar-dasar berkenaan pemandu yang dikeluarkan dan ditetapkan oleh S.P.A.D dan JPJ dari semasa ke semasa.

7.0 PEMAKAIAN

- 7.1 Pekeliling ini terpakai bagi semua permohonan baharu dan permohonan memperbaharui permit kenderaan kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah.

8.0 PEMBATALAN

- 8.1 Pekeliling-pekeliling S.P.A.D. yang terdahulu berkenaan dengan teksi, kereta sewa dan teksi mewah adalah terbatal kecuali seperti yang dinyatakan di Lampiran 4 dan apa-apa pekeliling yang dikeluarkan oleh S.P.A.D dari semasa ke semasa selepas tarikh kuat kuasa pekeliling ini.

9.0 TARIKH KUATKUASA PEKELILING

- 8.1 Arahan-arahan dan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH)


Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat


31 Mac 2017

Lampiran 1

- (a) Kedudukan meter taxi di bahagian tengah atas panel kawalan hadapan (*dashboard*) kenderaan - tanpa ‘bracket’ dimetri (seal) pada badan kenderaan




- (b) Kedudukan meter taxi di bahagian tengah atas panel kawalan hadapan (*dashboard*) kenderaan - dengan ‘bracket’ dimetri (seal) pada badan kenderaan




Lampiran 2

- (a) Ruang pengiklanan di bahagian hadapan kenderaan dan di bahagian belakang kenderaan.



- (b) Ruang pengiklanan di bahagian sisi kenderaan.



Lampiran 3

Penetapan Kawasan Operasi

- (a) Penetapan kawasan operasi adalah tertakluk kepada kelulusan S.P.A.D dengan ketetapan seperti berikut:

Teks		
Kawasan Operasi	Penetapan Kawasan Operasi	Bidang Kuasa
Lembah Klang dan Kuala Lumpur	Gombak Hulu Langat Klang Petaling Sepang Putrajaya Wilayah Persekutuan	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Perbandaran Selayang• Majlis Perbandaran Kajang• Majlis Perbandaran Ampang Jaya• Majlis Perbandaran Klang• Majlis Bandaraya Shah Alam• Majlis Bandaraya Petaling Jaya• Majlis Perbandaran Subang Jaya• Majlis Perbandaran Sepang• Perbadanan Putrajaya• Persekutuan
Johor Bahru	Johor Bahru	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Bandaraya Johor Bahru• Majlis Bandaraya Johor Bahru Tengah• Majlis Perbandaran Pasir Gudang• Majlis Perbandaran Kulai

Pulau Pinang (Bahagian Pulau)	Timur Laut Barat Daya	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Majlis Bandaraya Barat Daya
----------------------------------	--------------------------	--

- (b) Kawasan operasi bagi Kereta Sewa adalah di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali kawasan operasi yang telah dinyatakan bagi perkhidmatan Teksi.
- (c) Kawasan operasi bagi Teksi Mewah adalah di seluruh Semenanjung Malaysia.

Lampiran 4

- (a) Pekeliling-pekeliling yang disenaraikan di bawah adalah dikekalkan penggunaannya.

No.	Rujukan Pekeliling	Perkara-perkara yang masih terpakai
1.	Bil. 11 2014 Kadar Tambang Baharu Bagi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam Kelas Teksi Dan Kereta Sewa	Semua perkara
2.	Bil. 4 Tahun 2013 Garis Panduan Permohonan Kad Pemandu Dan Pengecualian Sementara Bayaran Yuran Permohonan	Semua perkara
3.	Bil. 1 Tahun 2013 Proses Pengeluaran Lesen Pengendali	Semua perkara
4.	Bil. 15 Tahun 2012 Mempamerkan Nombor Aduan Talian Bebas Tol Baharu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Di Badan Kenderaan Pengangkutan Awam Darat Bagi Semenanjung Malaysia.	Semua perkara
5.	Bil. 14 Tahun 2012 Syarat Tambahan Lesen Pengendali Teksi	Semua
6.	Bil 12 Tahun 2010 Pembatalan Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil. 11 Tahun 2005.	Semua
7.	Bil. 1 Tahun 2010 Penguatkuasaan Pengeluaran Resit Tambang Teksi Sebagai Syarat Lesen	Semua perkara
8.	Bil. 4 Tahun 2004 Tawaran Lesen Kenderaan Perdagangan Perkhidmatan Awam Teksi Bagi Zon Lembah Klang, Johor Bahru Dan Pulau Pinang	Perkara 1